

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9595**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan anggaran berapakah jumlah ajen pengintip luar negara (foreign spies) yang beroperasi di Malaysia. Apakah status terkini kes seperti pembunuhan Kim Jung Nam oleh ajen Korea Utara.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mempunyai maklumat berkaitan jumlah ejen pengintip luar negara yang berada dalam negara memandangkan tiada negara asing yang mengistiharkan agen perisikan mereka kepada pihak berkuasa negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia akan mempertingkatkan lagi usaha untuk mengumpul maklumat risikan bagi menentukan tiada lagi kejadian seperti pembunuhan Kim Jong Nam berlaku di negara ini.**

**Kes kematian Kim Jung Nam, abang tiri kepada Presiden Korea Utara berlaku di Lapangan Terbang KLIA 2, Sepang pada 13 Februari 2017 berkait dengan KLIA Sepang Report 002798/17. Kejadian berlaku di *Kiosk Self Check In* Air Asia berhadapan kaunter daftar masuk W di Aras 3, KLIA 2. Kes tersebut telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuuh.**

**Sehingga kini pihak polis telah menangkap empat (4) orang bagi membantu siasatan. Punca kematian dan motif pembunuhan masih belum diketahui. Kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berkaitan perkara ini kerana masih di peringkat siasatan dan dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan yang dijalankan.**